



Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Isu-isu Semasa Dan Masa Depan

Pengenalan

- o Tamadun Islam, India, Cina dan Melayu menjadikan aspek kepercayaan masing-masing sebagai dasar kemoralan, cara hidup dan pembangunan.
- o Tamadun yang dikenali sebagai tamadun Timur ini menghadapi ancaman kuasa Barat yang pernah menjadi penjajah dan kemudiannya meninggalkan pengaruh dan hegemoninya.
- o Kebangkitan tamadun Barat selepas kejatuhan kerajaan Islam di Sepanyol telah membuka era baru penguasaan dan konspirasi barat terhadap negara lain terutamanya negara Islam/Timur.

Dunia berbilang tamadun

- Pengajaran untuk Dunia Barat daripada Tamadun Islam dan Tamadun Asia.
 - Masyarakat Timur memiliki pengalaman beratus tahun hidup bersama dengan tamadun-tamadun lain dan telah menjalani hidup secara harmoni dengan bertunjangkan nilai toleransi dan persefahaman.
- Ianya perlu diikuti oleh tamadun Barat yang selama ini bersifat dominasi.

Cabaran Globalisasi

- o Globalisasi boleh ditakrifkan sebagai pensejagatan nilai-nilai kehidupan barat yang mendukung falsafah liberal, kapitalisme dan demokrasi menurut acuan barat.
- o Proses globalisasi telah berjaya mengecilkan dunia kerana maklumat-maklumat penting dan peristiwa dunia mudah diperolehi dan tersebar jauh lebih cepat.
- o Globalisasi juga boleh difahami sebagai suatu himpunan proses pengaliran global pelbagai jenis objek melibatkan pelbagai aktiviti manusia.

Aspek positif globalisasi:

- o Peranan pelaburan asing : mewujudkan pekerjaan dan mengurangkan masalah kemiskinan.
- o Peningkatan mobiliti sosial dan pengukuhan kelas menengah.
- o Peluang yang lebih luas untuk mendapatkan maklumat dan menyebarkan ilmu pengetahuan.
- o Komunikasi yang lebih mudah dan murah.
- o Peluang yang lebih luas untuk manusia berinteraksi.
- o Peluang yang lebih luas untuk menzahirkan simpati dan perikemanusiaan.
- o Penonjolan idea-idea dan amalan pemerintahan yang baik.

- o Aspek negatif globalisasi:
 - o Kualiti alam sekitar yang semakin merosot.
 - o Pembangunan yang tidak seimbang dan jurang perbezaan ekonomi.
 - o Pengabaian keperluan asas hidup rakyat termiskin di banyak negara terutama di negara-negara selatan.
 - o Modal jangka pendek yang keluar masuk pasaran seperti kilat akibat amalan baharu yang menjadikan wang sebagai komoditi keuntungan.
 - o Pengangguran yang semakin buruk.
 - o Penyebaran budaya yang bertentangan dengan tuntutan nilai kerohanian dan moral yang murni.

- o Kecenderungan ke arah pembentukan suatu budaya global yang homogeni menerusi peranan yang dimainkan oleh peradaban yang transnasional dan media komunikasi global.
- o Penyebaran budaya pop Amerika yang menyegarkan pancaindera tetapi mematikan roh.
- o Kecenderungan pusat-pusat pengajian tinggi untuk memberi keutamaan kepada kursus-kursus ilmu pengurusan dan teknik.
- o Kebanjiran maklumat yang tidak berguna.
- o AS dan beberapa negara Eropah memanipulasi isu-isu demokrasi dan hak-hak manusia dengan tujuan mendominasi politik dunia.
- o Pengantarabangsaan jenayah yang menyukarkan jenayah dibendung.
- o Pengantarabangsaan penyakit.

Hegemoni dan Globalisasi

- o Perkataan “hegemoni” berasal daripada perkataan Inggeris ‘Hegemony’ yang bermaksud pengaruh atau penguasaan.
- o Pengaruh atau dominasi ini merangkumi pelbagai sudut seperti politik, ekonomi, sosial, budaya, ketenteraan, pendidikan, perundangan, teknologi dan banyak lagi.
- o Fenomena ini adalah sebagai suatu kebangkitan pertuanan yang melampau atas asas meluaskan hegemoni kekuasaan, pengaruh dan sebagainya terhadap sistem keamanan dunia.

Cabaran Globalisasi

- o Dampak Budaya Kebendaan Barat
 - o Dampak dunia Barat moden ke atas masyarakat Islam dan Asia sangat mendalam sehingga hampir menghilangkan ciri-ciri jati diri seseorang Islam atau seseorang Asia.
 - o Pengaruh dunia Barat berpunca daripada sejarah penjajahan yang panjang sehingga merubah struktur ekonomi, institusi politik dan nilai budayanya.

- o Disebabkan pengaruh kuasa Barat yang begitu dominan, masyarakat yang di bawah jajahannya telah mengalami perasaan rendah diri dan meninggalkan sejarah dan warisan bangsa mereka sendiri.
- o Mereka juga telah meletakkan tamadun Barat sebagai kemuncak pencapaian ketamadunan manusia. Tamadun Barat dijadikan piawai untuk menilai pencapaian masyarakat mereka sendiri.

Dominasi Politik

- o Negara yang dikatakan merdeka masih terikat dengan telunjuk Barat dalam membuat keputusan politik terutama di peringkat antarabangsa.
- o Negara Amerika Syarikat adalah negara terkuat di kalangan yang mendominasi Majlis Keselamatan PBB dengan kuasa vetonya bersama-sama dengan negara Rusia, United Kingdom, Perancis dan China.
- o Majlis Keselamatan PBB merupakan sebuah badan politik dunia yang terpenting namun keputusan-keputusan yang dibuat hanyalah sekadar mengesahkan keputusan negara-negara kuasa besar terutama AS yang mempunyai kepentingan tertentu.

- o AS juga akan bertindak secara persendirian membelakangkan Majlis Keselamatan PBB seperti dalam peristiwa pengeboman Sudan dan Afghanistan pada tahun 1998 dengan helah untuk memusnahkan tempat-tempat dikatakan sebagai sarang pengganas.
- o AS telah terlibat secara langsung dengan menggambarkan diri mereka 'polis dunia' di dalam hampir semua persengketaan wilayah dan antarabangsa samada di Somalia, Bosnia, Palestin, Kashmir dan lain-lain.
- o AS telah muncul sebagai satu-satunya kuasa besar dunia yang tidak mempunyai saingan selain memiliki senjata nuklear yang besar dan senjata yang tercanggih.

Dominasi ekonomi

- Pada zaman penjajahan, penjajah Barat mendominasi sumber-sumber semulajadi wilayah yang dijajah.
- Syarikat-syarikat dari Barat seperti Amerika Syarikat, UK dan negara-negara Eropah yang lain termasuk Jepun telah menguasai kegiatan perdagangan antarabangsa.
- Syarikat berkenaan telah mendominasi penggunaan sumber-sumber semulajadi, pengeluaran hasil perindustrian dan perkembangan sains dan teknologi sesebuah negara.

- o Masyarakat manusia di negara membangun dan mundur tidak lebih sekadar memenuhi keperluan tenaga manusia untuk mencapai kepentingan mereka pada masa yang sama, sumber-sumber semulajadi di negara-negara tersebut dimonopoli secara tidak disedari.
- o Fenomena seperti ini merupakan satu bentuk penjajahan baru yang terselindung dibalik gagasan perdagangan tanpa sempadan.

Dominasi Media

- o Dunia Barat melalui bidang teknologi komunikasi dan maklumat telah mendominasi penyebaran berita antarabangsa.
- o Agensi berita antarabangsa dari AS khususnya menentukan bagaimana maklumat tentang peristiwa-peristiwa antarabangsa diolah dan dipersembahkan kepada masyarakat dunia.

Dominasi budaya

- o Antara pengaruh yang paling berkesan ialah dalam bidang hiburan.
- o Gaya hidup barat yang berteraskan hedonisme melalui filem, muzik, nyanyian dan sebagainya telah tersebar luas keseluruh dunia.
- o Contoh: American Idol, Levis.

Aspek-aspek dominasi Barat seperti yang dirumuskan oleh Samuel Huntington:

- Barat memiliki dan mengawal operasi sistem perbankan antarabangsa.
- Barat mengawal semua matawang.
- Barat adalah pelanggan barangan dunia yang terbesar.
- Barat membekalkan kebanyakan daripada barangan siap dunia.
- Barat menguasai pasaran modal antarabangsa.
- Barat menguasai kepimpinan moral utama dalam masyarakat.
- Barat berupaya melakukan campurtangan ketenteraan secara besar-besaran.
- Barat mengawal laluan maritim antarabangsa.

- o Barat melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan teknikal paling maju.
- o Barat mengawal sistem pendidikan sains dan teknikal terkehadapan.
- o Barat menguasai ruang angkasa dan aeroangkasa.
- o Barat mengawal komunikasi antarabangsa.
- o Barat mendominasi industri senjata teknologi tinggi.

Teori Pertembungan Tamadun

- o Francis Fukuyama, dunia akan menjadi homogen dengan dicirikan oleh pemikiran liberalisme dan demokrasi Barat.
- o 1993, Samuel P. Huntington mengemukakan teori *The Clash Of Civilizations?*.
- o 1996, buku *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order* diterbitkan.
- o Huntington telah menjangkakan akan berlaku pertembungan antara tamadun Barat dengan tamadun-tamadun lain yang akan mencorakkan politik sejagat.

- Teori Huntington boleh didasarkan kepada 3 andaian utama:
 - Selepas perang dingin perbezaan yang paling ketara antara masyarakat sejagat bukan lagi ideologi, politik dan ekonomi tetapi budaya.
 - Tamadun merupakan entiti budaya yang terbesar justeru konflik yang bakal timbul adalah disebabkan perbezaan antara tamadun.
 - Teras utama kepada isu-isu yang berkaitan dengan agenda antarabangsa sebenarnya berkaitan dengan perbezaan yang wujud antara pelbagai tamadun.

- Dampak peristiwa 11 September
 - Dilihat sebagai kemuncak konflik dunia Islam dan dunia Barat.
 - Telah banyak berlaku peristiwa serangan keatas AS sebelum tragedi 11 September antaranya:
 - 1993, World Trade Center telah diserang oleh Ramzi Ahmed Yousef yang dikatakan Fundamentalis Islam.
 - 1996, 19 tentera AS telah terbunuh dan 300 cedera dalam serangan di Khobar Towers, Arab Saudi.
 - 1998, kedutaan AS di Dares Salaam dan Nairobi telah di bom menyebabkan 250 orang terkorban.

- Peristiwa tersebut dikaitkan dengan pengganas muslim sehingga menimbulkan kecurigaan yang mendalam terhadap masyarakat Islam.
- Perjuangan rakyat Palestin yang menuntut kemerdekaan di negara sendiri juga digolongkan sebagai rangkaian pengganas.
- Perjuangan masyarakat Islam di Kashmir dan Chechnya turut dilabelkan sebagai kumpulan pengganas.

- o Sekatan demi sekatan telah dikenakan termasuklah sekatan dari segi penyebaran sains dan pemindahan teknologi secara langsung dan tidak langsung.
- o Hubungan antara AS dengan dunia Islam semakin tidak menentu.

- o Kesan daripada tragedi 11 September, dialog antara golongan Islam minoriti dan golongan bukan Islam majoriti semakin meningkat.
- o Menerusi dialog dan bacaan mereka sendiri tentang Islam, semakin ramai rakyat AS yang kini lebih mendalami tentang Islam.

Pada umumnya dampak peristiwa 11 September ini dapat dilihat pada:

- Perhubungan dunia Islam dan Amerika semakin renggang dan tidak menentu.
- Kecurigaan meningkat terhadap tindak tanduk akan datang/ yang bakal di ambil oleh Amerika Syarikat di Asia Barat.
- Amerika Syarikat ditimpa krisis ekonomi kerana perbelanjaan tinggi akibat peperangan dan operasi ketenteraan.
- Peningkatan dialog antara goglongan Islam minoriti dan bukan Islam majoriti sekaligus meningkatkan kefahaman rakyat AS terhadap Islam.

Dialog Peradaban Sebagai Mekanisme Menghadapi Cabaran

- o PBB mengisytiharkan tahun 2001 sebagai Tahun Dialog Tamadun seperti yang dicadangkan oleh presiden Iran, Mohamad Khatami.
- o Diperingkat dalam negeri, hubungan antara kaum yang didasarkan pelbagai tamadun Melayu, India dan Cina adalah agak baik namun begitu masih juga wujud rasa curiga dikalangan sesetengah pihak disebabkan perbezaan antara mereka.
- o Oleh itu, usaha ke arah menjalin persefahaman antarakaum di kalangan rakyat Malaysia yang datang dari pelbagai tamadun, tidak boleh diabaikan dan mesti diterus dipupuk.

- o Di peringkat antarabangsa, permasalahan yang diwarisi dalam perhubungan antara tamadun perlu ditangani bukan dengan keganasan atau konfrontasi, tetapi menerusi dialog.
- o Satu syarat yang cukup penting ke arah membina kesedaran ialah melalui dialog di semua tempat.
- o Manusia mesti sedar bahawa setiap agama, budaya dan tamadun masing-masing mengandungi nilai dan pandangan semesta yang menekankan kesatuan, kejujuran, maruah dan kebebasan manusia.

- Ke arah melahirkan nilai moral dalam masyarakat yang berbilang agama, etnik dan kebudayaan mesti diadakan dialog yang berterusan.
- Bila manusia menyedari nilai-nilai yang mereka kongsi bersama dalam pemerintahan dan politik, ekonomi dan pengurusan sumber, keluarga dan masyarakat dan sebagainya, maka ikatan dan perasaan saling hormat-menghormati, mempercayai dan perpaduan akan tumbuh dan membesar dalam masyarakat yang pelbagai etnik, budaya dan agama.

Pemupukan Nilai Sepunya Menerusi Dialog Tamadun

- o Pengajian mengenai tamadun Islam dan tamadun Asia mesti dimasukkan dalam kurikulum peringkat sekolah lagi.
- o Pertubuhan agama dan kebudayaan hendaklah menjadikan dialog sebagai agenda utama dalam kegiatan mereka.

- o Manusia yang hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum, budaya dan agama mesti digalakkan untuk bergaul, berkenalan dan memahami serta berkongsi antara satu sama lain.
- o Usaha dialog pada tahap akal dan minda sahaja tidak membawa kesan bermakna tanpa dialog dalam kehidupan.

Isu-isu dalam dialog tamadun

- o Keganasan dan ketidakadilan.
- o Perebutan kuasa politik dan ekonomi.
- o Kejahilan tentang tamadun lain.
- o Layanan buruk.

o **Dialog antara tamadun Islam dan tamadun Asia.**

- o Dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan mereka.
- o Dapat menyedarkan masyarakat Islam dan Asia tentang cabaran semasa abad-21 dari Barat dan konflik dalaman masyarakat Islam dan Asia.
- o Dapat menyemai minat dalam kalangan generasi muda untuk memelihara dan mengekalkan identiti dan khazanah budaya mereka.

o **Dialog antara tamadun Barat dengan tamadun Islam dan tamadun Asia.**

- o Pencarian/pemupukan nilai-nilai sepunya.
- o Menghormati realiti dunia yang berbilang tamadun.
- o Memahami isu-isu yang memisahkan tamadun Barat dengan tamadun Islam.
- o Memahami isu-isu keganasan bukan sahaja dari perspektif barat tetapi juga dari perspektif masyarakat Islam dan Asia.

o Dialog peradaban dianggap sebagai satu mekanisme yang relevan dan mampu mengatasi isu-isu kerana dialog dapat:

- o** Menjana keterbukaan dan kerjasama antara tamadun.
- o** Agama sebagai asas kepada dialog peradaban.
- o** Meluruskan persepsi salah faham terhadap tamadun lain.

Wawasan dialog ketamadunan

- o Dialog melalui usaha pendekatan perddamaian
- o Tamadun universal sebagai satu unit analisis.
- o Kepelbagaian manusia dan kemajmukan budaya dunia.
- o Perkongsian aktiviti kolektif/ kerjasama.
- o Mengenal antara satu sama lain.
- o Persefahaman kolektif dunia.
- o Mengenal semula diri dalam bentuk perhubungan dengan orang lain.
- o Terbuka untuk menerima persetujuan atau bantahan.
- o Dialog sebagai pendekatan strategik manusia terhadap penyelesaian konflik.
- o Pertukaran kepintaran dan pengalaman.
- o Aktiviti berteraskan manusia.

Dialog antara tamadun di Malaysia

- o Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - o Persefahaman antara kaum berasaskan nilai budaya dan tamadun sepunya
 - o Rukun negara sebagai asas tamadun Malaysia
 - o Mengambil kira kepercayaan dan amalan setiap budaya dan tamadun di Malaysia.



 **Tamat**